

Lantikan hakim perlu utama kewibawaan, daya intelektual

Kemampuan mahkamah tegak keadilan bukan berdasarkan gender

PENGUMUMAN Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengenai pelantikan dua hakim wanita di Mahkamah Syariah memberi kepuasan kepada banyak pihak. Pelantikan itu seolah-olah menamatkan perdebatan mengenai kedudukan wanita sebagai hakim di Mahkamah Syariah yang sekian lama berpanjangan. Saya tidak menolak keperluan Mahkamah Syariah untuk mempunyai hakim wanita atas alasan tertentu. Namun, ada isu lain lebih penting untuk diketengahkan, bukan setakat persoalan berkaitan gender. Jika alasan pelantikan hakim wanita (di mana-mana mahkamah sekalipun) hanya untuk memuaskan hati mereka yang berjuang atas tiket kesamarataan gender atau kerana kita ingin menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia juga memberi ruang kepada wanita untuk menjadi hakim seperti di negara Islam lain, atau bertujuan memecah dominan lelaki dalam profesi ini, maka ia tidak akan mendatangkan kebaikan kepada sistem perundangan dan kehakiman negara.

Isu lebih penting yang saya maksudkan ialah peranan yang perlu dimainkan oleh hakim. Justeru, kewibawaan dan daya intelektual seorang hakim adalah perkara pokok, sama ada beliau wanita atau lelaki, atau sama ada mereka di Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil. Saya tidak merujuk kepada kewibawaan atau kebolehan dua hakim wanita yang baru dilantik ini kerana saya percaya lantikan itu sudah dibuat dengan mengambil kira kelayakan dan kewibawaan mereka. Tujuan saya di sini ialah membawa pembaca bagi memahami peranan seseorang hakim secara umum.

Kewibawaan dan daya intelektual hakim perlu diberi perhatian sewajarnya kerana, seperti semua maklum, peranan hakim amat penting, malah ia lebih penting daripada Ahli Parlimen. Seorang hakim perlu mengimbangi kehendak masyarakat dan juga kedudukan undang-undang. Adalah tidak menjadi kesalahan bagi seorang Ahli Parlimen mempertahankan kehendak pengundinya, tetapi menjadi kesalahan bagi seorang hakim mempertahankan kehendak mana-mana pihak tanpa hujah undang-undang yang konkrit.

Dalam menjalankan tugas, hakim harus bebas atau membebaskan diri mereka daripada tekanan mana-mana pihak termasuk pihak pemerintah, ketika membicara dan membuat keputusan mengenai sesuatu kes. Secara amalan, kebebasan kehakiman adalah antara perkara yang amat sukar untuk dilakukan oleh hakim. Hatta, di negara yang dikatakan mempunyai kebebasan badan kehakiman luas sekalipun, hakim tidak bebas daripada kritikan sekiranya keputusan yang dibuat cenderung kepada pihak pemerintah. Ditambah pula dengan sistem lantikan dan pemecatan hakim yang dikendali pihak pemerintah. Dalam keadaan ini, hakim mestilah mampu membuat penghakiman yang disertakan hujah undang-undang yang kukuh dengan menggunakan metodologi tafsiran yang tepat

dan betul. Dalam masa sama, masyarakat harus matang menilai hujah undang-undang yang dikemukakan hakim dalam alasan penghakiman dan tidak hanya merujuk kepada siapa yang menang atau siapa yang kalah atas kehendak hati mereka.

Peranan hakim menjadi lebih penting dalam isu membabitkan tafsiran Perlembagaan, terutama perkara berkaitan hak asasi atau hubungan antara kaum dan agama. Isu ini amat sensitif dan masyarakat lebih cenderung mengikut kata hati dan fahaman mereka daripada menghormati keputusan mahkamah. Sekiranya seorang hakim gagal memberi hujah jitu bagi menyokong keputusannya, ia boleh mencetuskan kontroversi dan seterusnya mengakibatkan huru-hara.

Kewibawaan dan daya intelek seorang hakim dapat dinilai daripada mutu alasan penghakimannya. Alasan penghakiman itu bertujuan menjelaskan hujah hakim mengenai fakta kes, keterangan yang dibentangkan pihak yang bertikai, latar belakang kes, undang-undang, atau juga nilai yang ada dalam masyarakat mengenai fakta dan undang-undang yang terbabit. Hakim yang berhujah secara bijaksana dalam memberi alasan undang-undang akan dapat dilihat kewibawaannya seterus-

Dalam menjalankan tugas, hakim harus bebas atau membebaskan diri mereka daripada tekanan mana-mana pihak termasuk pihak pemerintah, ketika membicara dan membuat keputusan mengenai sesuatu kes. Secara amalan, kebebasan kehakiman adalah antara perkara yang amat sukar untuk dilakukan oleh hakim”

nya penghakiman itu akan dapat menjadi pemangkin kepada keyakinan khalayak kepada institusi kehakiman dan keadilan undang-undang.

Peranan lebih besar dan penting bagi hakim ialah membina keyakinan masyarakat terhadap kebebasan mahkamah dan keberkesanannya serta keadilan undang-undang negara. Ia bukan setakat menentukan pihak yang menang atau kalah saja, walaupun kadangkala khalayak lebih mementingkan persoalan siapa menang atau siapa yang kalah. Dalam konteks ini hakim berperanan untuk mencambah, membajai dan merimbunkan lagi kepercayaan masyarakat terhadap keadilan yang boleh diwujudkan undang-undang.

Peningkatan pengetahuan undang-undang di kalangan ahli masyarakat menjadikan tugas hakim bertambah berat. Masyarakat yang berpengetahuan undang-undang sudah mampu menilai suatu alasan penghakiman. Oleh itu hakim mestilah sentiasa di hadapan dari segi pengetahuan, penggunaan dan juga tafsiran undang-undang serta tidak mengambil mudah kemampuan khalayak untuk menilai mutu alasan penghakiman mereka.

Oleh itu, hakim digalakkan menulis penghakiman sendiri, walaupun nati-jah akhir penghakiman antara hakim yang mendengar sesuatu kes adalah sama. Dalam keadaan ini, hakim itu perlu menulis hujah penghakiman mereka secara bersendirian dan tidak hanya menyentui (concur) alasan penghakiman rakan hakim yang menulis alasan penghakiman. Kebolehan seseorang hakim untuk menulis keputusan berbeza (dissenting) daripada hakim yang lain juga boleh membantu perkembangan undang-undang dan membina keyakinan masyarakat terhadap undang-undang. Hal ini kerana membuat keputusan bertentangan dengan keputusan majoriti agak sukar untuk dilakukan kerana ia memerlukan analisis kritis dan ‘judicial activism’ yang tinggi.

Secara keseluruhannya, hakim menjadi tunggak utama bagi memastikan kepercayaan masyarakat terhadap kebebasan mahkamah dan kemampuan badan kehakiman menegakkan keadilan dan peranan ini tidak bergantung sepenuhnya kepada gender hakim.

Penulis ialah pensyarah Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Cakap-cakap

DARIPADA 1,500 perwakilan yang sepatutnya hadir Perhimpunan Agung MIC pada pagi hari kedua di Kuala Lumpur, kelmarin hanya kira-kira 870 yang berada dalam dewan. Pada sebelah petang, jumlahnya meningkat sedikit, tetapi lebih 300 orang tidak tahu entah ke mana. Inilah antara runutan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu ketika menggulung perbahasan,

Mamat – membeli-belah lah tu

